



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU KESIHATAN (D.4 EB.5)
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU KESIHATAN
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
 3. Berkebolehan dalam menggunakan perisian-perisian komputer seperti *Microsoft Office (Words, Excels, Powerpoint)* dan sebagainya adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan alam sekitar termasuk kawalan penyakit berjangkit, kesihatan dan keselamatan makanan dan memberikan taklimat kesihatan dan keselamatan alam sekitar;
2. Membuat perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program kesihatan alam sekitar di unit masing-masing;
3. Menjalankan penguatkuasa akta-akta yang berkaitan dengan kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar;



4. Berkerjasama dengan pelbagai pihak dalam mengendalikan aspek kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar, pemeriksaan premis-premis makanan di dalam perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), siasatan kes-kes keracunan makanan dan kes-kes penyakit berjangkit bawaan vektor (PBV);
5. Menyediakan dan menghadapkan laporan aktiviti-aktiviti atau kejadian kes-kes yang berkaitan di unit masing-masing; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.